



Mereka tertarik dengan lampu2 hiasan di pameran

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah tertarik dengan lampu-lampu hiasan yang dipamerkan dalam Pameran Kehidupan Selesa (Gracious Living) di Changkat Pavillon petang kelmarin.

Pameran yang bermula dari 13 hingga 28 Mei ini mempamerkan berbagai corak kehidupan di negara-negara ASEAN, Jepun, Korea, India dan Pakistan. Turut mengambil bahagian ialah 45 syarikat tempatan.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah kemudian menyampaikan hadiah-hadiah kepada tiga gerai terbaik.

Syarikat pengeluaran minuman Henessy Castle memenangi hadiah pertama, kedua, Dunlop Malaysia dan Regent Decorators (gambar) mendapat tempat ketiga. — Gambar Berita Harian.